

**Kemenangan di Teluk Intan Suntikan Moral Bagi ANggota BN – Presiden MCA
Bernama
Jun 1, 2014**

KUALA LUMPUR, 1 Jun (Bernama) -- MCA mengucapkan tahniah kepada Presiden Gerakan Datuk Mah Siew Keong atas kemenangannya pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Teluk Intan semalam.

Presidennya Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata kemenangan itu amat penting bagi Barisan Nasional (BN) kerana ia menjadi penanda aras bagi parti dan meningkatkan moral anggota BN di seluruh negara.

"Pertambahan undi sokongan dari kawasan pilihan raya pelbagai kaum boleh dianggap sebagai undi kepercayaan bagi tadbir urus BN yang cemerlang," kata beliau dalam kenyataan di sini malam Ahad.

Beliau berkata kemenangan BN di Teluk Intan adalah hasil kerja keras oleh Gerakan dan parti-parti komponen BN yang lain.

Pada pilihan raya kecil itu, Mah menewaskan calon DAP Dyana Sofya Mohd Daud dengan majoriti 238 undi selepas memperoleh 20,157 undi berbanding 19,919 undi oleh calon DAP itu.

Liow berkata kembalinya sokongan pengundi Cina kepada BN menunjukkan bahawa masyarakat itu telah memperbaharui harapannya dalam BN dan oleh itu MCA akan menyegerakan program transformasinya.

"MCA kini mempromosikan kempen 'Teguh Bersama' dan kami yakin bahawa kami akan terus kompetitif dan relevan melalui transformasi," kata Liow.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1043040>